



Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia yang berkeelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan **Tetap/Kontrak** di :-

- Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM, Kampus Puncak Alam
- Pusat Pakar Perubatan UiTM (PPUiTM), Kampus Sungai Buloh

BIL.	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL					
1.	Pustakawan	S9	Pustakawan	RM 2,470.00	RM 11,110.00
KUMPULAN PELAKSANA					
2.	Penolong Pegawai Farmasi	U5	Penolong Pegawai Farmasi	RM 1,974.00	RM 6,620.00
3.	Jurupulih Perubatan*	U5	Jurupulih Perubatan	RM 1,731.00	RM 6,620.00
4.	Jururawat	U5	Jururawat	RM 1,974.00	RM 6,620.00

****Rujuk syarat tambahan keperluan jawatan***

KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**1. PUSTAKAWAN (S9)**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c)
 - (i) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Sains Pengajian Maklumat (Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat atau Pengurusan Pusat Sumber Maklumat) yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred S9: RM2,470.00); atau
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Perpustakaan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred S9: RM2,470.00); atau
 - (iii) Ijazah Sarjana dalam bidang Sains Perpustakaan dan Maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S9: RM3,020.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

KUMPULAN PELAKSANA**9. PENOLONG PEGAWAI FARMASI (U5)**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) Diploma Farmasi yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U5: RM1,974.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

11. JURUPULIH PERUBATAN (U5)

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred U5: RM1,731.00); atau
(ii) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred U5: RM1,812.00); atau
(iii) Diploma Fisioterapi, Diploma Pemulihan Cara Kerja atau Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred U5: RM1,974.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

12. JURURAWAT (U5)

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) Diploma Kejururawatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U5: RM1,974.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Jururawat Masyarakat adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jururawat Gred U5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - (a)
 - (i) Mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c);
 - (ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) Had umur pelantikan:
 - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

SYARAT LANTIKAN

Syarat lantikan secara terperinci beserta dengan maklumat lanjut berkenaan jawatan-jawatan yang diiklankan boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM di <https://pengambilanhuitm.uitm.edu.my>

CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dibuat dengan melayari laman sesawang Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM di <https://pengambilanhuitm.uitm.edu.my> dan membuat permohonan secara dalam talian (*online*) sahaja dengan mengisi maklumat yang diperlukan **bermula 2 Oktober 2025 hingga 12 Oktober 2025**. Setiap permohonan jawatan akan dikenakan bayaran RM10.00 dan bayaran boleh dibuat secara dalam talian di UiTMPay.

Tarikh akhir permohonan adalah pada **12 Oktober 2025 (Ahad)**.

Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan jawatan bolehlah merujuk kepada:



Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
 Jabatan Pentadbiran & Sumber Manusia
 Hospital Al-Sultan Abdullah
 Universiti Teknologi MARA
 42300 Bandar Puncak Alam
 Selangor Darul Ehsan

E-mel : hr_huitm@uitm.edu.my

No. Tel : (03) 3396 3362/3346/3357/3359/3230